

DELTASOLONE TABLET 5MG

Prednisolone (5mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Deltasolone Tablet 5mg
2. Bagaimana Deltasolone Tablet 5mg berfungsi
3. Sebelum mengguna Deltasolone Tablet 5mg
4. Cara menggunakan Deltasolone Tablet 5mg
5. Semasa menggunakan Deltasolone Tablet 5mg
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Deltasolone Tablet 5mg
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Deltasolone Tablet 5mg

Ia digunakan sebagai rawatan untuk merawat pelbagai keadaan masalah dan penyakit yang berbeza. Antara keadaan ini termasuk: alahan teruk, asma, masalah kulit, artritis (melibatkan sendi), penyakit radang usus, kanser dan penyakit autoimun.

Bagaimana Deltasolone Tablet 5mg berfungsi

Bahan aktif dalam ubat ini adalah Prednisolone. Prednisolone dikenali sebagai kortikosteroid atau steroid. Ia membantu dengan mengurangkan kesan keradangan dalam pelbagai masalah dan penyakit.

Sebelum mengguna Deltasolone Tablet 5mg

- Bila tidak boleh mengguna

Jangan gunakan Deltasolone Tablet 5mg jika anda:-

- mempunyai jangkitan kulit.
- hipersensitif kepada prednisolone atau mana-mana bahan kandungan yang disenaraikan pada akhir risalah ini.

- Sebelum mula mengguna

Beritahu doktor anda sebelum mengambil Deltasolone Tablet 5mg, jika anda:

- mempunyai kegagalan jantung kongestif
- mempunyai kencing manis
- mempunyai kegagalan buah pinggang jangka masa lama
- mempunyai tekanan darah tinggi
- baru selepas pembedahan usus
- mempunyai penyakit berjangkit
- mempunyai kelemahan otot

- mempunyai jangkitan mata disebabkan oleh virus herpes simplex
- mempunyai jangkitan bakteria tibi yang terutamanya menjejaskan paru-paru
- sklerosis sistemik (gangguan autoimun). Pengambilan dos harian sebanyak 15 mg atau lebih boleh meningkatkan risiko komplikasi serius iaitu *scleroderma renal crisis* yang kemungkinan menyebabkan tekanan darah anda meningkat dan mengurangkan kencing.

Kortikosteroid boleh menyembunyikan beberapa tanda-tanda jangkitan, dan jangkitan baru mungkin muncul semasa penggunaannya.

Sesetengah ubat boleh meningkatkan kesan Deltasolone Tablet 5mg dan doktor anda ingin memantau anda dengan teliti jika anda mengambil ubat ini (termasuk ubat-ubatan untuk HIV seperti cobicistat).

Penggunaan kortikosteroid yang berpanjangan boleh menghasilkan katarak (kekeruhan kanta mata) dan glaukoma (peningkatan tekanan dalam mata) dengan kerosakan pada saraf mata, dan mungkin meningkatkan risiko jangkitan mata sekunder disebabkan oleh kulat atau virus. Doktor anda mungkin memberi anda rujukan kepada pakar mata untuk pemeriksaan katarak, glaukoma atau penyakit mata lain seperti korioretinopati serous pusat (CSCR).

Mengandung dan penyusuan bayi

Beritahu doktor anda jika anda mengandung, mungkin mengandung, merancang untuk mengandung atau menyusukan bayi. Ia tidak digalakkan untuk wanita hamil dan ibu menyusu kecuali manfaat yang dijangka melebihi potensi risiko. Kortikosteroid yang didapati dalam susu ibu boleh menyebabkan pertumbuhan terencat pada bayi dan kesan sampingan lain yang tidak diingini.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Terdapat beberapa ubatan yang boleh berinteraksi dengan Deltasolone Tablet 5mg. Adalah penting untuk memberitahu doktor atau ahli farmasi anda mengenai semua ubat-ubatan yang anda ambil, termasuk yang diperolehi tanpa preskripsi doktor.

Anda perlu berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil seperti berikut: -

- Phenytoin Phenobarbital dan Barbiturate, rawatan untuk sawan

- Ephedrine, untuk asma
- Rifampicin, rawatan untuk jangkitan bakteria

Cara menggunakan Deltasolone Tablet 5mg

- Berapa banyak harus digunakan

Anda perlu mengambil Deltasolone Tablet 5mg dengan tepat seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi. Jumlah yang anda ambil setiap hari bergantung kepada keadaan anda. Jangan mengambil lebih atau kurang daripada apa yang doktor anda tetapkan.

Pengambilan Oral

Keperluan dos adalah berbeza dan mesti disesuaikan berdasarkan penyakit dan respon individu. Dos awal mungkin berbeza-beza dari 5mg hingga 60mg. Bagi rawatan untuk tempoh berpanjangan, dos perlu tidak melebihi daripada 7mg sehari.

- Bila perlu digunakan

Gunakan Deltasolone Tablet 5mg dalam dos yang dibahagikan atau sebagai dos harian tunggal pada pukul 8 pagi atau sebagai dos berganda selang sehari ataupun apabila diperlukan dan mengikut preskripsi doktor.

- Berapa lama perlu digunakan

Ia adalah penting untuk mengambil Deltasolone Tablet 5mg seperti ditetapkan oleh doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda ingat. Jika ia hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga itu untuk mengambil dos yang seterusnya dan abaikan dos terlepas. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Simptom-simptom terlebih dos adalah sama dengan yang dinyatakan di dalam 'Kesan-kesan sampingan'.

Semasa menggunakan Deltasolone Tablet 5mg

-Perkara yang perlu dilakukan

- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil Deltasolone Tablet 5mg.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengandungi semasa mengambil ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil ubat kecuali dinasihatkan oleh doktor anda kerana pemberhentian kortikosteroid yang terlalu cepat boleh menyebabkan kekurangan hormon kortisol. Kesan ini boleh dikurangkan dengan pengurangan dos secara beransur-ansur. Yang lain mungkin termasuk badan lemah, keletihan, kurang selera makan, penurunan berat badan, loya, muntah, cirit-birit dan sakit perut.
- Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda.
- Jangan berikan Deltasolone Tablet 5mg kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan seperti anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Berhati-hati semasa memandu atau menggunakan jentera sehingga anda mengetahui tentang kesan Deltasolone Tablet 5mg terhadap anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Deltasolone Tablet 5mg boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya. Kesan sampingan termasuk

- gangguan cecair dan elektrolit
- kelemahan otot
- osteoporosis (tulang rapuh)
- radang pankreas akut
- sindrom *Cushing* (seperti berat badan bertambah, muka bulat, bonggol tisu lemak di antara bahu)
- pertumbuhan terencat
- haid tidak tetap
- peningkatan tekanan dalam mata
- gangguan penglihatan
- ulser perut mungkin dengan penembusan dan pendarahan
- penyembuhan luka terjejas
- sawan

- peningkatan tekanan di dalam otak dengan bengkak pada saraf mata
- penglihatan kabur
- komplikasi serius iaitu *scleroderma renal crisis*

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin juga boleh berlaku pada sesetengah orang. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami kesan sampingan lain semasa mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Deltasolone Tablet 5mg

-Penyimpanan

Simpan pada atau di bawah suhu 30°C.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Tablet bulat, rata, berwarna putih dengan ukiran tenggelam "SW" pada satu permukaan sahaja.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
 - Prednisolone
- Bahan- bahan tidak aktif
 - Maize Starch
 - Lactose
 - Magnesium Stearate

- Nombor MAL

MAL20051302ASZ

Pengilang

Sunward Pharmaceutical Pte.Ltd
No.11,Wan Lee Road,
Singapore, 627943.

Pemegang Pendaftaran Produk

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.
No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4,
Taman Perindustrian Tampoi Indah,
81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

16/02/2023

Nombor Siri

NPRA(R4/1)091019/00292